

Pasukan KRZ Menguasai Jelajah Juara Valorant, Menjamin Gelaran Kejohanan Dalam Lensa24.

8/06/2024 01:00 MYT

Ditulis oleh: Kendra Joseph

Lensa24 berjaya memberikan perlawanan yang mencabar untuk permainan Valorant pada hujung minggu ini, di mana kemenangan sebanyak RM 400 berserta dengan RM150 baucar telah diberi kepada *Team KRZ*. Perlawanan yang sengit antara *Team KRZ* dengan *YLM 3RD* telah berlangsung pada 12.00 pagi secara atas-talian dan berakhir apabila *Team KRZ* mendapat sebanyak 2 mata dalam pengiraan *Best of 3*.


Lensa24 merupakan salah satu acara yang dianjur oleh pelajar MC111. Acara esports ini merangkumi tiga permainan termasuklah Mobile Legends, PUBG MOBILE dan Valorant. Hadiah pemenang Valorant adalah sebanyak RM550 termasuk baucer oleh Gamejus. Perkara ini menjadi tarikan orang ramai, tambahan lagi dengan siaran langsung yang dijalankan semasa hari acara, Lensa24 menjadi tumpuan para pemain Valorant untuk memenangi perlawanan tersebut.

Team KRZ yang dikenali dengan cara main yang strategik dan pasukan dinamik yang harmoni bertempur dengan Pasukan *YLM 3RD* yang mempunyai cara main yang sama namun disebabkan oleh kesilapan dan kekurangan mereka, gagal merangkumi satu mata dalam pengiraan *Best of 3*. Perlawanan yang berlangsung dalam sehari itu tampil menunjukkan kemahiran *Team KRZ* yang handal dan profesional dalam setiap pertempuran, maka sudah terang lagi bersuluh kedudukan pasukan tersebut kekal sebagai juara Valorant dalam Lensa24.

Menurut *Team KRZ*, ini bukanlah pertandingan e-sports yang pertama kerana telah menyertai beberapa perlawanan sepanjang tempoh 2 tahun bersama. Dalam tempoh itu, mereka mengekalkan ahli pasukan yang sama dan mencapai kesefahaman antara satu sama lain. Perkara ini jelas menunjukkan kerjasama yang teguh dalam *Team KRZ*, di mana setiap pertempuran pasukan dalam permainan Valorant dikendalikan secara tenang dan pantas.

Selepas perlawanan yang sengit antara *YLM 3RD*, *Team KRZ* berasa amat gembira dan lega kerana dapat memenangi permainan kedua di peringkat akhir. Ketua kumpulan itu mengatakan bahawa mereka sangat bersyukur latihan seminggu sebelum pertandingan ini membawa kemenangan untuk mereka. Pada masa depan ini, pasukan juara itu bercadang untuk menyertai lagi pertandingan e-Sports Valorant untuk mencari pengalaman berlawan secara berhadapan dengan pihak lawan lain dan di hadapan penonton.

Kemenangan Pasukan KRZ bukan sahaja mempamerkan kemahiran luar biasa dan ketajaman strategik mereka tetapi juga menyerlahkan keterujaan dan semangat yang semakin menyerlah dalam komuniti Valorant. Kejohanan ini telah menyampaikan detik-detik yang tidak dapat dilupakan, daripada permainan cengkaman kepada persaingan sengit, membuatkan peminat tidak sabar-sabar menantikan bab seterusnya dalam saga eSports Valorant yang dianjurkan oleh Lensa24.





MASSCOMM
FACULTY OF COMMUNICATION & MEDIA STUDIES

VALORANT CHAMPION



KRZ

TEAM KRZ

REINN H2O CYQ

CYQ AY3H